

Headline	FAMA sedia bantu pesawah		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	13 Jun 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	40,000
Page No	19	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	382 cm <sup>2</sup>
Journalist	NURUL HIDAYAH HAMID	AdValue	RM 4,116
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,348



# FAMA sedia bantu pesawah

*Beri bimbingan  
untuk  
tingkatkan  
pendapatan  
mereka*

NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bersedia membantu memberi bimbingan kepada pesawah untuk meningkatkan pendapatan mereka dan keluar dari kemiskinan.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Is-hak berkata, pihaknya menyambut baik cadangan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad supaya golongan berkenaan memperbaharui cara tanaman dan membabitkan



Ahmad memberi ucapan kepada kakitangan FAMA Kedah pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Pejabat FAMA Kedah semalam.

diri dalam tanaman kontan.

Ahmad berkata, cadangan pesawah mempel-bagaikan tanaman dilihat dapat membantu mereka meningkatkan pendapatan, sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap hasil padi semata-mata.

"Malah, saranan berke-naan dilihat mampu me-

nyediakan bekalan segar pada harga berpatutan, mengurangkan jumlah im-port dari luar negara, seka-ligus menjamin keselamatan bekalan makanan negara.

"Untuk itu, kita berse-dia memberi bimbingan dan memberi maklumat berkaitan diperlukan me-reka berdasarkan kajian

jumlah permintaan dilak-isanan FAMA," katanya pada sidang media selepas Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Pejabat FAMA Kedah di sini semalam.

Turut hadir, Pengarah FAMA Kedah, Anuar Mo-hamed.

Ahmad berkata, pihak boleh memberi maklumat dan cadangan kepada pe-

sawah berhubung jenis tanaman dan tanah berse-suai untuk diusahakan mereka, selain bantuan pemasaran.

"Antara beberapa jenis tanaman jenis jangka pen-dek yang boleh disyorkan kepada pesawah untuk di-usahakan, ialah tembilai,

jagung manis dan cili," ka-tanya.

info

Perdana Menteri  
mencadangkan pesawah  
memperbaharui cara  
tanaman, babitkan diri  
dalam tanaman kontan

Menurut beliau, pes-wah juga boleh memanfaatkan aneka kemudahan di bawah FAMA, seperti 334 pusat jualan untuk tujuan pemasaran hasil tanaman mereka.

"Antara lain, pusat pengumpulan tanaman, tem-pat penyimpanan, peng-angkutan dan pemprosesan boleh dimanfaatkan apabi-la menyahut seruan itu," katanya.

Kelmanin, Dr Mahathir memberitahu, kerajaan mengenal pasti beberapa langkah untuk menangani kemiskinan golongan pe-sawah dengan kaedah per-tanian moden.